



## SIARAN AKHBAR

BDCB MENYERTAI MAJLIS SAMBUTAN HARI GURU YANG KE-35 TAHUN,  
MENAMPILKAN INISIATIF CELIK KEWANGAN

Selasa, 1 Rabiulakhir 1447H bersamaan dengan 23 September 2025

---

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menyertai Sambutan Hari Guru ke-35 pada 23 September 2025 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, dengan mengetengahkan inisiatif-inisiatifnya dalam mempromosikan celik kewangan di Negara Brunei Darussalam.
2. Pameran BDCB telah berkenan dikunjungi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang diiringi oleh ahli-ahli kerabat diraja. Keberangkatan Baginda telah dijunjung dan disembahkan taklimat oleh Pengarah Urusan BDCB, Yang Mulia Hajah Rashidah binti Haji Sabtu, serta pengurusan kanan dan pegawai-pegawai BDCB, wakil daripada Unit Pendidikan Kewangan, Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, serta pelajar-pelajar daripada Sekolah Menengah Masin dan Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam.
3. Pameran BDCB mengongsikan *Centsibly: Smart Money Habits*, sebuah bahan pengajaran hasil kerjasama antara BDCB dan Kementerian Pendidikan, berlandaskan *Brunei Darussalam Financial Literacy Competency Frameworks for School Children and Adults*. Ianya direka sebagai bahan rujukan yang berstruktur dan mudah diakses bagi guru-guru serta penyedia pendidikan kewangan untuk membekalkan para pelajar dengan kemahiran hidup sepanjang hayat seperti perancangan bajet, menabung, pengurusan hutang, takaful dan insurans, perancangan persaraan, perlindungan pengguna, serta celik kewangan digital dan kewangan mampan. *Centsibly* juga mencerminkan komitmen BDCB dalam memperkuuh daya tahan kewangan di Negara Brunei Darussalam.
4. Pameran BDCB juga menampilkan *Usinwise*, jenama rasmi bagi kempen celik kewangan kebangsaan yang baru-baru ini telah dilancarkan di bawah Majlis Kebangsaan Celik Kewangan (MKCK). *Usinwise* melambangkan visi kebangsaan yang dikongsi bersama untuk membina masyarakat yang celik kewangan dan berdaya tahan, dengan menghubungkan rakyat Brunei kepada pendidikan kewangan yang dipercayai dan mudah diakses.
5. Untuk maklumat lanjut mengenai celik kewangan yang lain, orang ramai bolehlah menghubungi BDCB melalui [finlit@bdcb.gov.bn](mailto:finlit@bdcb.gov.bn) atau ikuti BDCB di Instagram [@centralbank.brunei](https://www.instagram.com/centralbank.brunei).

Brunei Darussalam Central Bank

Date: 1 Rabiulakhir 1447/ 23 September 2025  
Ref: BDCB/COMMS/3